

D786

U B134 AAB
MAHATHIR - PERSEFAHAMAN
(I)

KUCHING, 24 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN PERSEFAHAMAN, KERJASAMA DAN HARMONI YANG WUJUD DI KALANGAN PELBAGAI KOMUNITI DI NEGARA INI SEKARANG, PERLU DIKEKALKAN KERANA IA PENTING UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA.

BELIAU BERKATA, SEMUA PROJEK PEMBANGUNAN YANG DIRANCANG UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT, TIDAK KIRA SEBESAR MANA SEKALIPUN, TIDAK AKAN BERJAYA JIKA TIDAK WUJUD KEADAAAN MESRA DAN HARMONI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING SEBELUM BERLEPAS KE KUALA LUMPUR SELEPAS LAWATAN LIMA HARI KE NEGERI INI MEMBERI CONTOH PROJEK HAIDRO BATANG AI BERTHARGA \$560 JUTA DI BAHAGIAN KEDUA SARAWAK, YANG AKAN MENGURANGKAN KOS PEMBEKALAN ELEKTRIK DI NEGERI ITU, SEBAGAI SATU DARIPADA PROJEK YANG MEMPUNYAI KESAN MENDALAM KEPADA PEMBANGUNAN SEKARANG DAN JUGA AKAN DATANG DI NEGERI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENINGATKAN RAKYAT SUPAYA BERHATI-HATI TERHADAP KUMPULAN MINORITI TERTENTU DAN PIHAK LAIN YANG SEDANG CUBA MENIMBULKAN SENTIMEN PERKAUMAN.

PERDANA MENTERI MEMBERI AMARAN, TINDAK TANDUK MEREKA TIDAK AKAN MENDATANGKAN APA-APA KEUNTUNGAN KEPADA NEGARA INI SELAIN MENGGANGGU PEMBANGUNANNYA. -- LAGI.

1228MST 24 08 85

MAHATHIR - PERSEFAHAMAN 2 KUCHING

(I)

MENGENAI LAWATANNYA KE SINI, PERDANA MENTERI MENYATAKAN BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PELBAGAI KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN YANG DICAPAI DI NEGERI INI DI BAWAH PIMPINAN DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD.

SEMASA LAWATAN LIMA HARI ITU, PERDANA MENTERI TELAH MERASMIKAN PELANCARAN PROJEK HIDRO BATANG AI, WISMA SABERKAS BERHARGA \$100 JUTA, BANGUNAN TAMBAHAN HOLIDAY INN BERHARGA \$70 JUTA DAN OPERASI PEMASANGAN TRAK PASIFIK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGAIAMANAPUN MEMBIDAS GOLONGAN YANG CUBA MENGHASUT RAKYAT DENGAN MEMBURUK-BURUKKAN USAHA-USAHA KERAJAAN UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI.

MENGENAI ANCAMAN CUEPACS YANG TIDAK MAHU MENYOKONG KERAJAAN BN, BELIAU BERKATA, RAKYAT BERHAK MEMILIH SIAPA YANG SEPATUTNYA MEMIMPIN MEREKA DAN MENASIHATKAN PARA KAKITANGAN AWAM SUPAYA TIDAK MEMBABITKAN DIRI SECARA AKTIF DALAM POLITIK.

+KERAJAAN TIDAK AKAN TUNDUK KEPADA APA JUA ANCAMAN DARI MANA-MANA GOLONGAN DAN AKAN BERUSAHA MEMELIHARA KEPENTINGAN RAMAI,+ KATANYA. -- LAGI.

1235MST 24 08 85

MAHATHIR - PERSEFAHAMAN 3 KUCHING

(I)

+KERAJAAN TIDAK MAHU MENGGUNAKAN WANG DARIPADA TABUNG-TABUNG PEMBANGUNAN YANG KEBANYAKANNYA DIPEROLEHI DARIPADA CUKAI-CUKAI SEMATA-MATA UNTUK MEMENUHI KEHENDAK SEGOLONGAN RAKYAT SAHAJA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI DAN ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH DIUCAPKAN +SELAMAT JALAN+ OLEH BERATUS-RATUS PARA PENYOKONG BARISAN NASIONAL DAN PARA PEMBESAR NEGERI YANG DIKETUAI OLEH DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB DAN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, DATUK DR. SULAIMAN HAJI DAUD.

MALAM TADI DI SATU MJALIS MAKAN MALAM KELAS 1947, KING EDWARD'S COLLEGE OF MEDICINE DI SINI, PERDANA MENTERI MENERIMA SUMBANGAN PERALATAN +CATSCAN+ BERHARGA \$1.2 JUTA DARIPADA KERAJAAN NEGERI YANG DISAMPAIKAN OLEH DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB. -- BERNAMA.

1241MST 24 08 85